



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (10 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **enam (6) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kes-kes tersebut adalah di daerah Kuching (5) dan Lawas (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 997 kes**.

A. Kes COVID-19 Baharu

I. Daerah Kuching (5 Kes Baharu).

a) Kes Saringan Kendiri di Fasiliti Kesihatan Swasta (2 Kes Baharu)

Kes Ke-993 dan Ke-994 merupakan warganegara tempatan yang telah menjalani saringan kendiri di sebuah makmal perubatan sawsta pada 9 November 2020 kerana bimbang kemungkinan telah mempunyai kontak dengan kes-kes positif COVID-19 semasa mengunjungi beberapa tempat di Bandaraya Kuching yang dikaitkan dengan kes-kes positif sebelum ini.

Kes Ke-993 ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19 tetapi kes Ke-994 telah mengalami batuk mulai 6 November 2020. Kes-kes juga tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara atau melawat kawasan berisiko jangkitan COVID-19 di negeri-negeri lain. Kes-kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes-kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesahan kontak kepada kes-kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

b) Kes Saringan Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19 (3 Kes Baharu)

Kes Ke-995, 996 dan 997 merupakan warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana mempunyai kontak rapat kepada seorang kes positif COVID-19 iaitu kes Ke-988 yang telah dilaporkan semalam. Kes-kes ini merupakan menantu dan cucu kepada kes Ke-988 dan seorang daripada kes ini hanya berumur 6 bulan.

Ketiga-tiga kes ini telah menjalani saringan di sebuah makmal perubatan swasta di Bandaraya Kuching pada 9 November dan didapati positif pada hari yang sama.

Ketiga-tiga kes ini hanya menunjukkan tanda dan gejala yang ringan. Kesemua kes ini telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes-kes ini dikategorikan kes jangkitan tempatan dan merupakan kes generasi ketiga di dalam Kluster Greenhill, Kuching.

II. Daerah Lawas (1 Kes Baharu).

a) Kes Saringan Individu Pulang dari Kawasan Berisiko Tinggi (1 Kes Baharu) (Import B).

Kes Ke-992 merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana baru pulang dari Sabah pada **28 Oktober 2020**. Kes berada di Sabah sejak 16 Ogos 2020 bagi tujuan mengikuti kursus asas perubatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), Sabah. Kes telah pulang ke Sarawak melalui ICQS Merapok dan terus dimasukkan ke pusat kuarantin setibanya di Lawas untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari.

Saringan pertama telah dijalankan pada 30 Oktober 2020 dan telah didapati negatif COVID-19. Saringan kedua telah dijalankan pada 7 November 2020 dan didapati positif pada 9 November 2020. Kes mula mengalami sakit tekak dan demam pada 8 November 2020 semasa dalam tempoh kuarantin. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat lima (5) kluster yang masih kekal aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan tiga (3) kes baharu positif COVID-19 yang dikaitkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 82 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1,305 individu telah disaring, dimana:

- 82 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,174 individu negatif dan
- 49 individu masih menunggu keputusan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 6.28%. Sehingga 10 November 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah 32 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari wad pengasingan di hospital. Ini menjadikan seramai 50 kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan kesemua mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

ii) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

iii) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah kekal seramai 33 orang termasuk kes indeks.

iv) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

v) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah kekal seramai 36 orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **12** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua ke-kes yang telah pulih dan dibenarkan didiscaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **840** orang atau **84.25%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **138** orang iaitu:

- 107 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 27 kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 1.91%**.

Hari ini **17 PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai **131** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

A. Pelanjutan Tempoh PKPD Kampung Haji Baki Untuk Seminggu Lagi (11 hingga 17 November 2020)

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah membuat penilaian ke atas **kesemua 3,264** orang penduduk di Kampung Haji Baki. Kesemua penduduk telah disaring pada saringan pertama dan mendapati 31 adalah positif termasuk dengan kes indek.

Manakala **sebanyak 2,872** sampel yang diambil pada saringan kali ke-2 bermula pada 4 hingga 9 November 2020 dan mendapati **dua (2) daripadanya adalah positif** COVID-19. **Sebanyak 2,422** keputusan tersebut adalah negatif, **sebanyak 448** sampel masih menunggu keputusan ujian makmal dan **seramai 392** penduduk belum disaring untuk kali ke-2. Oleh itu JPBN bersetuju untuk **melanjutkan seminggu lagi** Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) Kampung Haji Baki mulai **11 hingga 17 November 2020.**

3. LAPORAN PKPB DAERAH KUCHING (9-22 NOVEMBER 2020)

Hari ini adalah hari kedua Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Daerah Kuching. Seramai 171 kekuatan anggota yang terlibat dalam sepuluh (10) sekatan jalan raya yang terdiri daripada PDRM (99), ATM (54) dan RELA (18). Jumlah kumulatif kenderaan telah diperiksa sebanyak 8,359 buah.

4. LAPORAN NOTIS TANGKAPAN/KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah menangkap seorang lelaki warganegara tempatan di Kuching kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas. Pada masa yang sama lelaki tersebut telah melanggar SOP kerana tidak mengambil suhu dan mencatat nama di dalam buku catitan yang disediakan. Selain itu sebanyak **tujuh (7) kompaun** di Daerah Padawan (3), Miri (2), Maradong (1) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **140 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (63), SMC (24), MPP (16), BDA (14), MD Marudi (14), SRDC (5), MD Serian (3) DAN MPKS (1).

5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,366 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (140), Restoran (287), Kilang (11), Bank (103), Pejabat Kerajaan (38), Penjaja (34), Pasar Tani/Awam (50), Tempat Ibadah (55), Tempat Riadah (34), Tapak Pembinaan (18) dan lain-lain (596).

Seramai **550 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (234), ATM (37), RELA (128), APM (89), PBT (46), KKM (8) dan lain-lain agensi (8).

6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,717** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
10 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	991	Total Cases still in ward	138	13.84%
New Cases	6	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	159,927	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	997	Total Death Cases	19	1.91%
IR per 100,000 population	32.32	Recovered and discharged cases	840	84.25%
Lab. Results (PUI)	New	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	New	Cummulative
Negative	26		17	10,379
Pending Result	2			

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	107	2	2	27	0	138
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New Cummulative	12 709	0 39	0 47	0 43	12 840
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	15	6,903	5	655	0	539	0	12	104	139	131
	Jumlah	15	6,903	5	655	0	539	0	12	104	139	131

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	262	0	7	0	4	0	0	3	4	4
2	Miri	0	907	0	54	0	30	0	1	23	24	14
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
	Jumlah	0	1,202	0	72	0	43	0	2	27	29	19

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	0	585	0	115	0	110	0	4	1	2	0
2	Bintulu	0	320	0	49	0	47	0	0	2	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	1	122	0	17	0	17	0	0	0	2	0
5	Lawas	1	26	1	8	0	4	0	0	4	4	0
6	Serian	0	318	0	25	0	25	0	0	0	0	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		2	2,274	1	270	0	258	0	5	7	11	0

Jumlah Besar	17	10,379	6	997	0	840	0	19	138	179	150
---------------------	-----------	---------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	------------	------------	------------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **194 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **29 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **2,374 orang**. Manakala seramai **30,555 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 10.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,405)	Hock Lee	116
2		Kuching Park	122
3		Hilton	236
4		Harbour View	246
5		Riverside (Astana Wing)	201
6		Tune Hotel	97
7		Dormani Hotel	63
8		Grand Continental	158
9		Meritin	78
10		Longhouse	88
11	Miri (486)	Mega Hotel	72
12		Imperial Palace	98
13		Eastwood Valley	42
14		Meritz	116
15		Miri	32
16		Dynasty	93
17		Citi Hotel	33
18	Bintulu (161)	Wasan Inn	20
19		Fairfield by Marriot	15
20		Kidurong Inn	35
21		Motel Kapok	46
22		Faber Inn	26
23		AA Inn	19
24	Limbang (190)	Purnama	75
25		Seri Malaysia (Lawas)	97
26		Shangshan (Lawas)	0
27		Mandarin (Lawas)	18
28	Sibu (93)	Premier	93
29	Samarahan (39)	Kolej Rafflesia, UNIMAS	39
Jumlah PUS			2,374

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **4 lokasi di Kuching (3) dan Miri** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,952 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 10.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	3	646
2	Miri	1	372
3	Sibu	TIADA	189
4	Samarahan	TIADA	129
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	90
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			1,952

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **51 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 10.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	3
2	MPKS	1
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	4
5	MP Sibu	9
6	BDA	5
7	MCC	13
8	MD Marudi	5
9	MD Lawas	8
Jumlah		51